



Perlu strategi baharu untuk tingkatkan pendapatan rakyat

Kuala Lumpur: Hasrat kerajaan untuk memberikan tumpuan dalam membantu kumpulan isi rumah B40 kepada beberapa kategori mulai 2021 perlu diberikan perhatian dan tumpuan dalam Bajet 2022.

Pensyarah Sekolah Perniagaan dan Ekonomi, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Datuk Dr Azali Mohamed berkata, kumpulan B40 adalah kategori isi rumah berpendapatan RM4,850 ke bawah.

Katanya, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sudah memperincikan kumpulan pendapatan isi rumah B40, M40 dan T20 kepada 10 kategori berdasarkan Tinjauan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019.

"Kumpulan B40 dibahagikan kepada B1, B2, B3 dan B4, M40 pula kepada M1, M2, M3 dan M4 manakala T20 kepada T1 dan T2.

"Selain bantuan kerajaan sedia ada dan yang sudah disalurkan kepada kumpulan B40, strategi baharu ke arah melaksanakan program yang boleh meningkatkan pendapatan yang lebih tinggi perlu dipergiatkan.

"Misalnya menggalakkan keusahawanan koperasi dan sokongan bantuan kewangan melalui pembiayaan kewangan bagi membolehkan mereka menjana pendapatan melalui aktiviti perniagaan.

"Selain itu, pada awal 2021, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (Medac) sudah melancarkan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TransKoM) 2021-2025, antaranya menghasratkan untuk meningkatkan rantai nilai ekonomi ahli koperasi terutamanya daripada golongan B40.

"Oleh itu gabungan kerjasama strategik antara beberapa kementerian dijangka berupaya membantu kumpulan sasaran ini," katanya kepada Harian Metro, hari ini.

Selain itu, beliau berkata, pengelasan kumpulan pendapatan isi rumah untuk 2020 berdasarkan laporan DOSM menunjukkan, terdapat kira-kira 2.91 juta keluarga di negara ini dalam kategori B40 dan terbahagi kepada empat kumpulan iaitu B1, B2, B3 dan B4 dengan julat had pendapatan isi rumah yang berbeza.

Menurutnya, pengelasan baharu itu yang mana kategori B1 had pendapatan isi rumah kurang daripada RM2,500, B2 antara RM2,501 hingga RM3,170, B3 antara RM3,171 hingga RM3,970, manakala B4 antara RM3,970 hingga RM4,850.

Baru-baru ini, Perdana Menteri mengumumkan sebanyak 580,000 isi rumah dari golongan berpendapatan sederhana tergelincir ke dalam kategori B40 terbawah kerana kemerosotan ekonomi yang disebabkan wabak Covid-19.

Pandemik juga menyaksikan kumpulan B40 mengalami kerugian pendapatan yang mengakibatkan kadar kemiskinan mutlak di Malaysia meningkat kepada 8.4 peratus pada 2020 berbanding dengan 5.6 peratus pada 2019.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2021/09/759483/perlu-strategi-baharu-untuk-tingkatkan-pendapatan-rakyat>